

26 MAR 2000

Umno-Selesai (N/Sembilan)

TUJUH BAHAGIAN UMNO NS CALON DR MAHATHIR DAN PAK LAH

SEREMBAN, 26 Mac (Bernama) -- Ketujuh-tujuh Umno bahagian negeri ini yang selesai mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Kesemua tujuh bahagian itu juga mencalonkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden.

Bahagian Jelebu, Tampin, Kuala Pilah dan Telok Kemang merupakan bahagian yang terakhir mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing hari ini.

Umno bahagian Seremban dan Rasah mengadakan mesyuarat masing-masing pada 12 Mei manakala mesyuarat bahagian Jempol berlangsung pada 19 Mac.

Bagi tiga jawatan naib presiden, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mendapat pencalonan daripada bahagian Rasah, Jempol, Kuala Pilah, Jelebu, Telok Kemang dan Tampin manakala penyandang jawatan itu, Datuk Seri Najib Tun Razak daripada bahagian Seremban, Rasah, Telok Kemang dan Tampin.

Datuk Dr Rais Yatim pula menerima pencalonan daripada bahagian Seremban, Jelebu, Telok Kemang dan Tampin, Datuk Abdul Ghani Othman (Seremban dan Jelebu), Tan Sri Muhyiddin Yassin (Jempol dan Kuala Pilah), Datuk Seri Syed Hamid Albar (Rasah), Datuk Seri Abu Hassan Omar (Jempol) dan Tengku Razaleigh Hamzah (Kuala Pilah).

Bagi jawatan ketua pergerakan pemuda, kesemua tujuh bahagian mencalonkan Datuk Hishammuddin Tun Hussein manakala Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir mendapat pencalonan daripada bahagian Rasah, Jempol, Jelebu, Telok Kemang dan Tampin bagi jawatan naib ketua.

Pergerakan pemuda Umno bahagian Seremban dan Kuala Pilah bagaimanapun mencalonkan Zein Isma Ismail untuk jawatan naib ketua.

Bagi jawatan ketua pergerakan wanita pula, bahagian Rasah, Jempol, Kuala Pilah, Jelebu, Telok Kemang dan Tampin mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz manakala bahagian Seremban mencalonkan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Kesemua tujuh bahagian pergerakan wanita mencalonkan Datuk Napsiah Omar untuk jawatan naib ketua.

-- BERNAMA

RP LAT